

ABSTRAK

Kajian Analisis Faktor Kritikal Kejayaan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) Di Malaysia

Pencapaian prestasi KPSM secara keseluruhannya masih pada tahap yang minimal memandangkan hanya beberapa buah KPSM yang benar-benar menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Ini dapat dilihat apabila hanya 11 buah KPSM di seluruh negara yang mencatat pendapatan bersih melebihi RM10,000 sepanjang tahun 2018 manakala enam buah KPSM mencatat kerugian. Sebuah lagi KPSM mencatat keuntungan bersih di bawah RM1000 manakala KPSM yang lain masih belum mempunyai rekod kewangan teraudit disebabkan oleh sama ada ia baru ditubuhkan atau belum pernah diaudit. Hakikatnya, penubuhan KPSM di Malaysia membuktikan kesungguhan di dalam memastikan pekebun-pekebun kecil sawit dapat meningkatkan sosioekonomi mereka dengan menyertai KPSM sebagai anggotanya. Kajian terdahulu banyak mengenalpasti faktor-faktor kritikal kejayaan sesebuah perniagaan seperti pengurusan, strategi, lokasi, kewangan, pelanggan dan pasaran, pengalaman dan sokongan persekitaran luaran sebagai faktornya. Namun, kajian tersebut tidak mengkhusus kepada perniagaan berteraskan perladangan kelapa sawit yang dijalankan oleh koperasi. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan mengenalpasti faktor-faktor kritikal kejayaan perniagaan KPSM menggunakan pendekatan kaedah kualitatif. Enam buah KPSM telah dipilih berdasarkan jumlah perolehan yang tertinggi dan terendah bagi ketiga-tiga kawasan iaitu Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Pihak MPOB dan SKM turut dipilih menjadi peserta kajian. Pemilihan sampel adalah menggunakan kaedah persampelan bertujuan dan sebanyak 24 responden telah ditemu bual. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tema yang merangkumi tiga tahap pengekodan iaitu pengekodan terbuka, berpaksi dan terpilih.

Melalui proses temu bual bersemuka menggunakan soalan protokol yang telah dibangunkan dan penterjemahan data yang diperolehi, tujuh faktor kritikal kejayaan KPSM telah dikenalpasti iaitu, komitmen, gaya pengurusan, pengurusan persaingan, pengurusan kewangan, pengurusan operasi, pengurusan fasiliti dan sokongan persekitaran luaran. Berdasarkan faktor-faktor tersebut, sebuah model telah dibangunkan untuk memperlihatkan kebergantungan dan kepentingan setiap faktor dalam mewujudkan faedah penubuhan KPSM. Dapatan kajian akan digunapakai di dalam kajian kuantitatif pada masa akan datang untuk melihat faktor-faktor kritikal kejayaan KPSM secara umum. Kajian ini menyumbang kepada perkembangan ilmu akademik dan pembangunan sektor koperasi di Malaysia.

